

KECENDERUNGAN ESTETIK

PENGAMAL PERUBATAN ESTETIK, DR. NADZRI MOKHTAR BERKONGSI MINAT TERHADAP KERJAYANYA DAN BERBICARA MENGENAI KEPUASAN YANG DIPEROLEH SELEPAS PESAKIT BERJAYA DISEMBUHKAN.

Pengamal Perubatan Estetik yang juga Pengarah Perubatan Nara Medispa, Dr. Nadzri Mokhtar pada masa kecilnya bercita-cita menjadi peguam. Mana taknya, dia cukup suka bermain dengan briefcase kecilnya, konon-konon sedang menaip kontrak atau dokumen undang-undang. Namun semuanya berubah setelah tamat alam persekolahan. Dia mengambil keputusan untuk berbakti kepada masyarakat dan memilih doktor sebagai kerjaya.

"Masih segar di ingatan apabila saya menyediakan ubat-ubatan tradisional berasaskan herba yang saya peroleh dari sebuah buku untuk penyakit artritis dan menunjuknya kepada nenek! Ini saja sudah cukup membuktikan betapa minatnya saya dengan ilmu perubatan," kata Dr. Nadzri.

Pengalamannya selama 11 tahun sebagai doktor membolehkan dia mahir tentang selok-belok antipenuaan dan mengembalikan kulit muda menerusi pemakanan serta penggunaan hormon bioidentical. Segala-galanya kini menjadi lebih sempurna apabila dia berjaya menggabungkan ilmu perubatan tradisional dengan ilmu moden yang dipraktikkan sebelum ini.

Menurut Dr. Nadzri lagi, "Tiada kata yang dapat digambarkan tika pesakit memperoleh apa yang mereka dambakan. Terpampang kegembiraan yang tak terkata pada wajah mereka. Tidak kira sama ada untuk memulihkan tenaga, mengurangkan berat sehingga 10kg atau 10inci, memulihkan tenaga batin atau mengembalikan keremajaan pada kulit, saya terasa bagaikan ahli nujum yang dapat mengubah mereka."

Nara Medispa adalah gabungan nama Dr. Nadzri dan ibunya, ditubuhkan empat tahun dulu sebagai penghormatan kepada ibunya. "Saya membayangkan tempat ini sebagai one-stop centre untuk antipenuaan sama ada secara dalaman atau luaran dan secara tidak langsung merawat serta memberi tumpuan mendalam terhadap setiap pesakit. Kami juga menawarkan rawatan hormonal dan antioxidant profiling, fillers, botulinum toxin, laser, rawatan muka, urutan dan hidroterapi," katanya lagi.

Sejak ditubuhkan, Dr. Nadzri berkongsi banyak kenangan manis bersama pesakitnya. "Ada seorang pesakit yang datang dan ingin mencuba filler tetapi cukup takut dengan jarum. Tangan jururawat saya langsung tidak dilepaskannya sewaktu menjalani sesi rawatan dan apabila melihat transformasi hanya pada separuh jalan rawatan, hilang segala takutnya. Dia nampak lebih bersemangat semasa menjalani sesi berikutnya dan tanpa disuruh terus baring ke katil pemeriksaan sepertikan profesional!"

Triniti oleh Syneron® eMax adalah salah satu rawatan Dr. Nadzri yang terkenal. Bagaikan rawatan 'oscar' dan karpet merah, ia menggabungkan tiga rawatan dalam satu masa. Rawatan memudahkan kulit menggunakan cahaya dan frekuensi radio (RF) dan infrared untuk menanggalkan kedutan. Syneron® eMax menggunakan paten elektrik dan sinergi optik (Teknologi eIōs™), menggabungkan dua modus tenaga untuk mendapatkan hasil yang luar biasa tanpa sebarang gangguan pada bila-bila masa.



"TIADA MASALAH JIKA MEREKA MEMBUAT KEPUTUSAN TIDAK MAHU MENERUSKAN RAWATAN SELEPAS PERKHIDMATAN RUNDINGAN. APA YANG PENTING, MEREKA DIBERI MAKLUMAT SELENKAPNYA, SEDAR DAN MEMPUYAI PENGETAHUAN MENGENAI CARA MEMBAIKI KESIHATAN DIRI. SAYA PERCAYA, PENGETAHUAN ADALAH NADI KEHIDUPAN."

Menurut Dr. Nadzri lagi, lebih ramai pakar ditempatkan ke pusat terbarunya di Bangsar seperti *hypnotherapist*, *physiotherapist*, *chiropractor* dan *fitness instructor* demi kesejahteraan para pesakitnya. Ia juga menawarkan program mengurangkan berat badan dengan laser Zerona® yang memberikan kesan seakan liposuction tetapi dalam keadaan tidak invasif.

Bagi Dr. Nadzri, dia berasa puas jika dapat menyampaikan maklumat mengenai segala rawatan yang dipilih pesakit. Tegasnya lagi, "Tiada masalah jika mereka membuat keputusan tidak mahu meneruskan rawatan selepas perkhidmatan rundingan. Apa yang penting, mereka diberi maklumat selengkapnya, sedar dan mempunyai pengetahuan mengenai cara membaiki kesihatan diri. Saya percaya, pengetahuan adalah nadi kehidupan."